

بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْعَصْرِ

98- Bab Kelebihan Sembahyang `Ashar.⁹⁷⁰

⁹⁷⁰ Pensyarah-pensyarah Sahih Bukhari berasa musykil dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari ini. Kata mereka, hadits yang dikemukakan Bukhari di bawah tajuk bab ini ialah tentang kelebihan kedua-dua sembahyang Subuh dan `Ashar. Kenapa pula Bukhari mengkhususkannya dengan sembahyang `Ashar sahaja? Itulah sebabnya Hafiz Ibnu Hajar mentaqdirkan tajuk bab ini dengan kata beliau: باب فضل صلاة العصر أي على جميع الصلوات إلا الصبح (Bab kelebihan sembahyang `Ashar. Maksudnya ialah daripada sekalian sembahyang-semahyang yang lain kecuali Subuh). Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Sebabnya saya mentaqdirkan begitu ialah kerana tidak jelas lebihnya sembahyang `Ashar daripada sembahyang Subuh. Boleh jadi juga Bukhari bermaksud menyatakan sembahyang `Ashar itu ada fadhilatnya (kelebihannya), bukanlah maksud beliau menyatakan sembahyang `Ashar itu adalah yang paling afdhal." Al-'Aini berkata: "Kalau Bukhari membuat bab di atas begini; باب فضل الصلاة الفجر والعصر, niscaya lebih baik. Kerana yang tersebut di dalam hadits dan ayat yang dibaca Nabi s.a.w. di dalamnya ialah sembahyang Subuh dan `Ashar, kedua-duanya sekali." Al-'Aini juga mengkritik taqdir yang dibuat Hafiz Ibnu Hajar tadi. Kata beliau, tidak tepat mentaqdirkan begitu. Kerana semua sembahyang ada kelebihannya. Paling-paling pun sembahyang Subuh dan `Ashar itu melebihi sembahyang-semahyang yang lain. Bukhari menyebutkan sembahyang `Ashar sahaja di dalam tajuk bab yang dibuatnya itu semata-mata kerana memakai qaedah iktifaa' (berpada dengan apa yang telah disebut sahaja). Sepertimana Allah sendiri menggunakannya di dalam firmanNya ini:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَسًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَبِيلَ تَقِيكُمْ وَالْحَرَّ وَسَرَبِيلَ تَقِيكُمْ بَأْسَكُمْ كَذَلِكَ يُتِمُّ
يَعْمَلُهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: dan Allah menjadikan bagimu tempat bernaung dari apa yang telah Dia ciptakan, dan Dia jadikan bagimu tempat-tempat tinggal di gunung-gunung, dan Dia jadikan bagimu pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan. Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atasmu agar kamu berserah diri (kepada-Nya). (an-Nahl:81). Selepas سَرَبِيلَ تَقِيكُمْ الْحَرَّ seharusnya ditaqdirkan الْبَرْدَ. Kerana bukankah Allah juga menjadikan pakaian untuk memelihara manusia daripada kesejukan? Menyebutkan pakaian yang memelihara manusia daripada kepanasan sahaja sebagai ni'mat Allah, tidak lebih daripada beriktifaa' atau berpada dengan apa yang telah disebutkan semata-mata. Syeikhul hadits, Maulana Muhammad Zakariya berpendapat, di bawah dua bab sebelum ini, Bukhari telah mengemukakan dua hadits yang mengandungi ancaman terhadap orang-orang yang terlepas sembahyang `Ashar dan orang-orang yang meninggalkannya dengan sengaja. Para `ulama' pula berbeda pendapat tentang adakah ancaman itu khusus dengan sembahyang `Ashar atau ia merangkumi sembahyang-semahyang yang lain juga? Mana satu di antara dua pendapat itu yang lebih tepat? Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari bermaksud mentarjih pendapat golongan yang mengatakan ancaman itu khusus dengan sembahyang `Ashar. Alasannya ialah kerana sembahyang `Ashar itu ada keistimewaan yang tersendiri. Keistimewaan sembahyang `Ashar itulah yang hendak dikemukakan beliau menerusi bab 98 ini. Bagi penulis, Imam Bukhari sebenarnya hendak menyatakan fadhilat sembahyang Subuh dan `Ashar itu melebihi fadhilat sembahyang-semahyang yang lain. Sekarang beliau hendak menyatakan secara berasingan fadhilat sembahyang `Ashar. Untuk itu beliau kemukakan hadits Jarir. Nanti beliau akan kemukakan sekali lagi hadits Jarir ini apabila hendak menyatakan fadhilat sembahyang Subuh pula secara berasingan. Sedangkan untuk sembahyang-semahyang yang lain, tidak beliau adakan

٥٢١- حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُعَاوِيَةَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ عَنْ قَيْسٍ عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَنَظَّرَ إِلَى الْقَمَرِ لَيْلَةً فَقَالَ إِنَّكُمْ سَتَرَوْنَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا الْقَمَرَ لَا تُضَامُونَ فِي رُؤْيَيْهِ فَإِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ لَا تُغْلِبُوا عَلَى صَلَاةٍ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا فافْعَلُوا ثُمَّ قَرَأَ {وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ} قَالَ إِسْمَاعِيلُ افْعَلُوا لَا تَقُوتَنَّكُمْ

521- Al-Humaidi (‘Abdullah bin az-Zubair al-Qurasyi al-Makki m.219H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Marwan bin Mu’awiyah (bin al-Haarits al-Fazaari m.193H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Isma’il (bin Abi Khalid) meriwayatkan kepada kami daripada Qais (bin Abi Haazim al-Bajali al-Kufi m.84H) daripada Jarir bin ‘Abdillah (al-Bajali), katanya: “Pernah pada suatu malam kami berada di samping Nabi s.a.w. Beliau s.a.w. melihat bulan (purnama) seraya bersabda: “Sesungguhnya kamu akan (dapat) melihat Tuhanmu sebagaimana kamu melihat bulan ini.”⁹⁷¹ Kamu tidak akan

bab khusus untuk menyatakan fadhilatnya. Tetapi itu tidaklah bererti sembahyang-sembahyang yang lain langsung tidak mempunyai fadhilat. Siyaaq hadits Jarir di atas mengisyaratkan bahawa sememangnya ada kaitan yang rapat di antara orang-orang yang menjaga sembahyang Subuh dan ‘Ashar dengan keistimewaan melihat Allah di akhirat nanti.

⁹⁷¹ Ini adalah salah satu nas yang terang dan dalil berupa hadits yang menjadi pegangan golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama’ah tentang orang-orang mu’min akan dapat melihat Allah di akhirat nanti dengan mata kepalanya. Banyak lagi terdapat hadits-hadits lain berhubung dengan perkara ini. Sebahagiannya telah dikemukakan oleh Imam Bukhari sendiri di dalam Kitab at-Tauhid di akhir Kitab Sahihnya ini. Percaya bahawa Allah akan dapat dilihat oleh orang-orang mu’min di akhirat nanti dengan mata kepalanya merupakan salah satu perkara yang telah diijma’kan oleh as-Salaf as-Saleh dari kalangan sahabat dan tabi’in r.a. Lebih tiga puluh orang sahabat telah meriwayatkan hadits-hadits ru’yah (hadits-hadits tentang orang-orang mu’min akan dapat melihat Allah di akhirat nanti). Antara mereka ialah Abu Bakar, ‘Ali bin Abi Thalib, Mu’aaz bin Jabal, Ibnu Mas’ud, Abu Musa al-Asy’ari, Ibnu ‘Abbaas, Ibnu ‘Umar, Huzaifah, Abu Umaamah, Abu Hurairah, Jaabir, Anas, ‘Ammar, Zaid bin Tsabit, ‘Ubaadah bin as-Shamit, Bilal bin Rabaah, Buraidah bin al-Hashib, Shuhaib, Junaadah bin Abi Umaiyah, Fadhaalah bin ‘Ubaid, ‘Adi bin Haatim, Abu Sa’id al-Khudri, ‘Umaarah bin Ruaibah, Abu Razin al-‘Uqaili, Abu Barzah dan lain-lain. Hakikatnya hadits-hadits ru’yah telah mencapai tahap mutawatir al-ma’na atau tawatur al-qadri al-musytarak (hadits yang ma’nanya mutawatir). **Namun begitu golongan Mu’tazilah, Khawaarij, Murji’ah, Jahmiyyah, Syi’ah dan lain-lain penganut ajaran sesat yang terpesong daripada landasan sebenar telah mempertikaikan dan menolak kepercayaan tersebut. Alasan mereka ialah ia bercanggah dengan keterangan al-Qur’an dan kenyataan. Berikut dikemukakan beberapa alasan dan hujah golongan yang menolak kepercayaan itu, disusuli hujah-hujah bantahan terhadapnya. (1) Kata mereka, kepercayaan ini bercanggah dengan firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-An’aam, ayat 103 di bawah ini:**

لَا تَدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Dia tidak dapat dicapai dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), Dialah Yang Maha Halus lagi Maha mendalam pengetahuanNya. (al-An`aam:103). Apabila Allah menafikan Dia dapat dicapai oleh penglihatan mata, bererti Dia tidak dapat dilihat. (2) Ia juga bercanggah dengan firman Allah di dalam Surah al-A`raaf, ayat 143 di bawah ini:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنظُرَ إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَنْ تَرَنِي وَلَٰكِنِ أَنظُرْ إِلَىٰ الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَنِي ۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا ۚ فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

Bermaksud: dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (zatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu”. Allah berfirman: “Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, niscaya engkau akan dapat melihatKu”. Setelah Tuhannya menzahirkan kebesaranNya kepada gunung itu, ia membuatnya hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: “Maha suci Engkau (wahai Tuhanku), Aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang pertama-tama beriman.” (Al-A`raaf:143). Ayat ini juga kata mereka, jelas menunjukkan ketidakmampuan manusia melihat Allah. Kalau Nabi Musa pun tidak dapat dan tidak mampu melihat Allah berdasarkan ayat ini, orang-orang lain lebih-lebih lagilah tidak dapat dan tidak mampu. Selain itu perkataan لَنْ sebelum تراني menjadikan penafian kemampuan manusia melihat Allah itu buat selama-lamanya. Lihatlah sebagai buktinya firman Allah di dalam Surah al-Fath, ayat 15 berikut ini: قُلْ لَنْ تَتَّبِعُونَا كَذَلِكُمْ قَالَ اللَّهُ مِنْ قَبْلُ Bermaksud: Katakanlah: “Kamu sekali-kali tidak akan mengikuti kami; demikian Allah telah menetapkan sebelumnya”. (3) Firman Allah di dalam Surah asy-Syura, ayat 51 berikut juga menurut mereka bercanggah dengan kepercayaan itu:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكْلِمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بَأْذَنِهِ ۚ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ مُّبِينٍ ﴿٥١﴾

Bermaksud: Dan tidak mungkin bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari belakang tabir (dengan mendengar sahaja kalam Ilahi tanpa melihatNya), atau dengan mengutus utusan (malaikat), lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana. (As-Syura:51). Ayat ini menyatakan percakapan Allah dengan seseorang manusia walaupun ada hanyalah dengan keadaan zat Allah itu sendiri tidak kelihatan kepadanya. Apabila terbukti ketika bercakap-cakap dengan Allah itu nabiNya sendiri pun tidak dapat melihatNya. Pada ketika tidak bercakap-cakap, lebih-lebih lagilah ia tidak dapat melihatNya. Selain itu tidak ada siapa pun berpendapat, ketika tidak bercakap-cakap itu ia dapat pula melihatNya. (4) Di dalam al-Qur`an, bila saja disebutkan permintaan orang-orang kafir kepada nabi-nabi untuk melihat Allah secara terang-terangan, akan disebut juga celaan Allah terhadap mereka. Bukan sekadar itu saja, malah mereka terus ditimpakan azab. Lihat sebagai contohnya ayat 55 Surah al-Baqarah ini:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّاعِقَةُ وَأَسْهَرَتْ تُبُورَهُمْ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: dan (ingatlah), ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah secara terang-terangan (dengan mata kepala kami)”. Maka kerana itu kamu disambar petir, sedang kamu semua melihatnya. (al-Baqarah:55). (5) Manusia hanya dapat melihat apabila ada enam syarat berikut: (a) Kesejahteraan deria penglihatan. (b) Sesuatu yang dapat dilihat (المرئيات). (c) Sesuatu yang dilihat itu berada di hadapan orang yang melihat. (d) atau ia seperti berada di hadapannya. (e) Sesuatu yang dilihat tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh daripada orang yang melihat. (f) Ia tidak terlalu kecil, halus atau seni. (g) Tidak ada halangan atau dinding di antara sesuatu yang dilihat dan orang yang melihat. (6) Kalau Allah itu memang dapat dilihat dengan mata kepala, tentulah kita semua dapat melihatNya

di dunia ini atau sekurang-kurangnya Ia telah dapat dilihat oleh manusia-manusia tertentu. (7) Allah kalau dapat dilihat pun di akhirat nanti, bukanlah dengan mata kepala. Tetapi hanya dengan mata hati.

Bantahan pihak Ahli as-Sunnah terhadap hujah (1) ialah yang dinafikan oleh Allah melalui ayat 103 Surah al-An`aam itu ialah melihat dengan mata kasar secara meliputi (الإدراك) sehingga dapat mengetahui hakikat Allah. Adapun semata-mata melihat, itu tidak dinafikan. Menafikan idraak bererti menafikan sesuatu yang lebih khusus (الأخص), tidak semestinya bererti (لا يستلزم) menafikan ru'yah yang lebih umum (الأعم) daripadanya. Antara contohnya di dalam al-Qur'an ialah firman Allah ini:

فَلَمَّا تَرَاءَ الْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَابُ مُوسَى إِنَّا لَمُدْرِكُونَ ﴿٦١﴾ قَالَ كَلَّا إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Setelah kedua-dua kumpulan itu nampak satu sama lain, berkatalah pengikut-pengikut Nabi Musa: "Sesungguhnya kita benar-benar akan ditangkap". (61). Nabi Musa menjawab: "Sekali-kali tidak! (kita tidak akan ditangkap!). Sesungguhnya Tuhanku besertaku, Dia akan menunjuk jalan kepadaku". (62). (asy-Syu'araa':61-62). Lihat! Walaupun kedua-dua kumpulan itu telah nampak satu sama lain. Dengan erti telah pun ada ru'yah. Tetapi idraak (perihal menguasai) tidak ada. Ia dinafikan. Dalam contoh yang lebih mudah, apabila seseorang bertanya kita: Adakah anda nampak langit? Bukankah dengan mudah saja kita berkata: "Ya, nampak". Tetapi adakah nampak kita itu meliputi? Tentu sekali jawabnya tidak. Memang nampak. Tetapi sekadar yang kelihatan kepada mata kita sahaja. Sekadar yang mampu dilihatnya! Jadi semata-mata melihat itu tidak dinafikan. Yang dinafikan hanyalah melihat secara meliputi. Selain itu yang dinafikan oleh ayat berkenaan ialah dapat melihat di dunia ini. Ia tidak menafikan dapat melihat di hari kiamat dan di akhirat kelak.

Bantahan pihak Ahli as-Sunnah terhadap hujah (2) ialah penafian Allah dengan firmanNya لَن تَرَانِي itu hanya untuk di dunia ini sahaja. Ia tiada kena mengena dengan di akhirat. Mengatakan لَن تَرَانِي menjadikan penafian kemampuan manusia melihat Allah itu buat selama-lamanya hingga ke akhirat, kerana ia digunakan untuk menafikan sesuatu buat selama-lamanya (لَن تَرَانِي), adalah tidak benar. Dalilnya ialah firman Allah berikut:

وَلَن يَتَمَنَّوهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٩٥﴾

Bermaksud: dan mereka sekali-kali tidak akan mencita-citakan kematian itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan; dan Allah Maha mengetahui tentang orang-orang yang zalim. (al-Baqarah:95). Di dalam ayat ini mereka dikatakan sekali-kali tidak akan mencita-citakan kematian buat selama-lamanya. Digunakan لَن juga sebelum يَتَمَنَّوهُ, kemudian disokong pula dengan perkataan أَبَدًا yang memang memberi erti selama-lamanya. Padahal bukannya mereka itu mahu sangat mati di akhirat nanti? Lihat firman Allah ini:

وَنَادَوْا بِمَمْلِكٍ لِّيَقْضِيَ عَلَيْنَا رَبُّكَ ۚ قَالَ إِنَّكُمْ مَكِيدُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: dan mereka menyeru (ketua malaikat penjaga neraka dengan berkata): "Wahai Malik! Biarlah hendaknya Tuhanmu mematikan kami (kerana kami tidak tahan menderita)!" Malik menjawab: "Sesungguhnya kamu tetap akan kekal dalam azab!" (az-Zukhruf:77). Di mana penafian buat selama-lamanya itu?? Kalaulah لَن dalam bahasa `Arab benar-benar digunakan semata-mata untuk menafikan sesuatu buat selama-lamanya (لَن تَرَانِي), maka kenapa fi'il selepasnya boleh terhad pula dengan sesuatu yang lain? Sebagai contohnya lihat firman Allah berikut:

فَلَن أُنَبِّئَكَ الْآنَ لِيَأْنِي أَوْ يَخُوكُمُ اللَّهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ﴿٨٠﴾

Bermaksud: ... Oleh itu aku tidak akan meninggalkan negeri (Mesir) ini, sehingga ayahku mengizinkan kepadaku (untuk kembali), atau Allah memberi keputusan kepadaku. Dan Dia adalah hakim yang sebaik-baiknya. (Yusuf:80). Kenapa ada pula sehingga selepas dikatakan "aku tidak akan meninggalkan negeri (Mesir) ini", jika لَن betul-betul memberi erti menafikan sesuatu

buat selama-lamanya (النفي على التأييد)? Sebenarnya pendapat yang mengatakan لن dipakai dalam bahasa `Arab dengan erti semata-mata untuk menafikan sesuatu buat selama-lamanya adalah pendapat yang dha'if. Meskipun ia telah dikemukakan oleh tokoh seperti az-Zamakhshari di dalam al-Kasysyaf dan al-Muhashshalnya. Untuk menolak pendapat itulah tokoh `ilmu Nahu `Arab yang terkemuka, Ibnu Malik di dalam al-Kafiatu asy-Syafiahnya berkata: ومن رأى النفي بـلن مؤبداً Bermaksud: "Tolaklah pendapat orang-orang yang mengatakan penafian dengan لن memberi erti buat selama-lamanya. Dan sokonglah pendapat selainnya." Maksud Ibnu Malik dengan katanya "pendapat selainnya" itu ialah pendapat yang mengatakan لن hanya memberi erti penafian sahaja (النفي المجرد). Kalau zat Allah secara mutlaq mustahil dilihat, apa ertinya Nabi Musa meminta kepadaNya supaya ditunjukkan? Tidakkah itu bererti seorang nabi yang mulia dan hebat seperti Nabi Musa pun masih tidak mengenali Allah? Dan kalau permintaan Musa itu salah sama sekali, kenapa tidak ada teguran Allah terhadapnya seperti teguranNya terhadap Nabi Nuh a.s. apabila Baginda a.s. tersalah? Lihat betapa Allah menegur Nabi Nuh a.s. apabila Baginda a.s. berkata: رَبِّ إِنِّي ابْنِي مِنْ أَهْلِي (Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku termasuk keluargaku):

قَالَ يَنْتُوحُ إِنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ صَالِحٍ فَلَا تَسْأَلْنِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنِّي أَعِظُكَ أَنْ تَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٤٦﴾

Bermaksud: Allah berfirman: "Wahai Nuh! Sesungguhnya dia (anakmu itu) bukanlah termasuk keluargamu (yang dijanji akan diselamatkan). Sesungguhnya amalannya adalah tidak baik. Sebab itu janganlah kamu memohon kepadaKu sesuatu yang kamu tidak mengetahui (hakikat)nya. Sesungguhnya aku memperingatkan kepadamu supaya kamu tidak termasuk di kalangan orang-orang yang tidak berpengetahuan." (Hud:46).

Bantahan terhadap hujah (3) ialah kalam Allah itu hanya didengari manusia-manusia yang dipilih Allah, apabila Dia bercakap-cakap dengannya. Untuk mendengar, seseorang tidak memerlukan langsung kepada penglihatan. Namun begitu, di mana terdapat dalil berupa penegasan di dalam ayat tersebut bahawa ketika Allah sedang bercakap-cakap dengan seseorang manusia, Dia mesti terlindung dari pandangannya atau Dia mesti tidak terlindung dari pandangannya?

Bantahan terhadap hujah (4) pula ialah permintaan orang-orang kafir kepada nabi-nabi untuk melihat Allah secara terang-terangan yang membawa kepada celaan Allah dan kemurkaanNya, bukanlah semata-mata kerana permintaan itu. Tetapi kerana kebongkakan, kedegilan dan olok-olokan yang tersembunyi di sebalik permintaan mereka.

Bantahan terhadap hujah (5) ialah syarat-syarat untuk dapat melihat seperti tersebut di bawahnya, enam yang terakhir daripadanya hanya berkaitan dengan melihat jisim-jisim dan a'raadh yang dapat dilihat dan dikesan dengan deria penglihatan. Ia tidak ada kena mengena dengan melihat Allah yang bukan merupakan jisim dan `aradh. Kalau begitu tinggal dua syarat saja lagi daripadanya, iaitu (a) Kesejahteraan deria penglihatan dan (b) Sesuatu yang dapat dilihat (المرئيات). Kedua-dua syarat ini akan ada untuk seseorang mu'min melihat Allah di akhirat nanti.

Bantahan terhadap hujah (6) ialah mestikah kalau Allah tidak dapat dilihat oleh kita di dunia ini, maka Ia tidak dapat dilihat oleh kita di akhirat nanti? Soal dunia dan akhirat itu terlalu jauh. Ambil saja contoh-contoh di dunia ini. Kucing dan burung hantu misalnya dapat melihat di waktu malam yang gelap-gelita. Patutkah kita menafikan setiap yang mempunyai mata daripada dapat melihat di waktu malam yang gelap-gelita, semata-mata kerana kita manusia tidak dapat melihat dalam keadaan itu? Seorang bayi yang baru lahir tidak nampak apa pun di sekelilingnya. Tetapi bayi yang sama setelah menjadi kanak-kanak nampak pula segala benda yang dilihatnya. Anda tidak akan nampak apa-apa yang terdapat di sebalik dinding atau baju dan seluar yang dipakai seseorang dengan mata kasar. Tetapi dengan memakai kaca mata tertentu (seperti cermin mata perisik dan sebagainya), anda akan nampak segala-galanya!! Bukankah dengan mengenakan kanta lekup saja penglihatan sso sudah menjadi berbeza? Kalau begitu apa peliknya jika manusia semua sekali, termasuk orang-orang mu'min tidak dapat melihat Allah dengan mata kepalanya di

mengalami apa-apa kesulitan dalam melihatNya. Jika kamu dapat menjaga (dengan sebaik-baiknya) sembahyang sebelum terbit matahari (sembahyang Subuh) dan sebelum terbenamnya (sembahyang 'Ashar), jagalah.”⁹⁷² Kemudian beliau (Jarir) membaca: وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ Bermaksud: Bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu

dunia ini?? Kemudian di akhirat kelak orang-orang mu'min sahaja dapat melihat Allah dengan mata kepalanya?!

Bantahan terhadap hujah (7) ialah apa perlunya dita'wilkan melihat itu dengan mata hati? Bukankan mata kepala itulah yang merupakan deria penglihatan? Lemahkah Allah untuk menciptakan manusia bermata seperti kucing, serigala, burung hantu, katak atau lain-lain binatang yang dapat melihat dalam gelap? Bukankah binatang-binatang itu juga telah diciptakan oleh Allah? Tentu sekali Allah berkuasa menjadikan mata manusia itu beribu-ribu kali lebih kuat daripada yang ada pada mereka sekarang ini.

Alasan dan hujah Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah dalam masalah ini selain hadits-hadits Nabi s.a.w. yang begitu banyak adalah ayat-ayat Allah di dalam al-Qur'an al-Karim seperti di bawah ini: (1)

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Bermaksud: Wajah-wajah (orang-orang mu'min) pada hari (akhirat) itu berseri-seri; (22) kepada Tuhannyalah mereka melihat. (23). (al-Qiyaamah:22-23). Allah s.w.t. berfirman tentang orang-orang kafir di akhirat kelak begini: (2)

كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَجُولُونَ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Sekali-kali tidak! Sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terdinding dari (melihat) Tuhan mereka. (al-Muthaffifin:15). Kalau orang-orang kafir terdinding daripada melihat Allah, tentulah orang-orang mu'min tidak. Sebabnya ialah keadaan mereka kelak tidak sama. Demikianlah simpul Imam Syafi'e daripada tiga ayat di atas.

(3) Imam Muslim dengan isnadnya meriwayatkan daripada Shuhaib r.a. daripada Nabi s.a.w. قَالَ إِذَا دَخَلَ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ قَالَ يَقُولُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى ثُرِيدُونَ شَيْئًا أَرِيدُكُمْ فَيَقُولُونَ أَلَمْ تَنْبِضْ وَجُوهَنَا أَلَمْ تَدْخُلْنَا الْجَنَّةَ وَتَخْرُجْنَا مِنَ النَّارِ قَالَ بَلَى فَيَكْتَفِي الْجَبَابَ فَمَا أُعْطُوا شَيْئًا أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِنَ النَّظَرِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ غَرَّ وَجَلَّ

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila ahli syurga masuk syurga. Allah - tabaraka wa ta'ala - bertanya (ahli syurga): “Kamu mahu apa-apa lagi untuk Aku tambahkan?” Jawab mereka: “Bukankah Engkau telah menyeri-nyerikan wajah kami? Bukankah Engkau telah memasukkan kami ke dalam syurga dan menyelamatkan kami dari neraka?” Kata Nabi s.a.w.: Lalu disingkapNya hijab. Maka tidak ada apa pun yang diberikan kepada mereka (di dalam syurga) lebih disukai mereka daripada melihat Tuhan 'azza wa jalla.” Selepas mengemukakan hadits ini Imam Muslim terus mengemukakan hadits yang sama dengan sedikit tambahan melalui isnad yang lain, juga daripada Shuhaib. Begini lafaznya: (لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْخُسْنَىٰ وَزَادَ ثُمَّ تَلَا هَذِهِ الْآيَةُ (الَّذِينَ أَحْسَنُوا الْخُسْنَىٰ وَزِيَادَةُ) Bermaksud: dan beliau (Shuhaib) menambah, kemudian Baginda s.a.w. membaca ayat ini: (لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا الْخُسْنَىٰ وَزِيَادَةُ) (bagi orang-orang yang berbuat baik, ada pahala yang terbaik (syurga) dan tambahannya).” (Yunus:26). Hadits ini menunjukkan, al-husna menurut tafsiran Nabi s.a.w. sendiri ialah syurga dan ziyadah pula ialah keni'matan melihat Allah s.w.t. Antara perkara yang penting sekali diingat berhubung dengan sabda Nabi s.a.w. di atas ialah perbandingan yang dibuat Baginda s.a.w. itu adalah perbandingan di antara perbuatan melihat dengan perbuatan melihat, bukan perbandingan di antara yang dilihat dengan yang dilihat. Jadi perlulah difahami bahawa ia sama sekali tidak memberi erti Allah itu seperti bulan!

⁹⁷² Sabda Nabi s.a.w. ini merupakan kinayah kepada menjaga sembahyang Subuh dan 'Ashar dengan sebaik-baiknya. Maksudnya ialah seboleh-bolehnya janganlah ada sesuatu (seperti syaitan, nafsu dan lain-lain) yang menghalangmu daripada menunaikan sembahyang Subuh dan sembahyang 'Ashar dalam waktunya yang afdhal.

sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya).⁹⁷³ Isma'il (bin Abi Khalid) berkata: "Oleh itu janganlah sekali-kali dua sembahyang itu terlepas daripadamu. Jagalah keduanya dengan baik."⁹⁷⁴

٥٢٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةٌ بِاللَّيْلِ وَمَلَائِكَةٌ بِالنَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَنْعُرُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ

⁹⁷³ Di dalam riwayat Muslim selepas dikemukakan ayat ini ada tambahan berikut: يعني العصر والفجر (maksudnya ialah sembahyang 'Ashar dan Subuh). Ayat yang dibaca Jarir ini selengkapnya adalah seperti berikut:

فَاصْبِرْ عَلَى مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Maka bersabarlah engkau (wahai Muhammad) terhadap apa yang mereka katakan dan bertasbihlah sambil memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenamnya. (Qaaf:39). Tujuan Jarir membaca ayat ini ialah untuk menguatkan hadits yang dikemukakannya. Ia secara tidak langsung menunjukkan perkataan تسبيح dan pecahannya seperti سَبَّحَ dan sebagainya sering diguna dan difahami Nabi s.a.w. dan para sahabat Baginda dengan erti sembahyang. Sama ada sembahyang fardhu atau sunat. Sembahyang sebelum terbit matahari ditafsir Nabi s.a.w. dengan sembahyang Subuh dan sembahyang sebelum terbenam matahari pula ditafsirkan dengan sembahyang 'Ashar. Lihat athraaf hadits ini pada: 573, 4751, 7434, 7435, 7436. Selain Bukhari, hadits ini dikemukakan juga oleh Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibbaan.

⁹⁷⁴ Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Allah s.w.t. akan dapat dilihat oleh orang-orang mu'min di akhirat kelak dengan mata kepala mereka. (2) Dalam melihat Allah itu orang-orang mu'min tidak akan mengalami apa-apa kesulitan, kesukaran, kesesakan, kesamaran atau keraguan. Semua mereka akan melihatNya dengan selesa dan jelas. (3) Melihat Allah di dalam syurga malah digambarkan oleh hadits-hadits sahih sebagai ni'mat yang paling disukai ahli syurga dan paling istimewa untuk mereka. (4) Kepentingan dan kelebihan menjaga dengan sebaik-baiknya sembahyang 'Ashar dan Subuh. (5) Dalam sesuatu perbandingan (التشبيه) tidak mesti apa yang dibandingkan (المشبه) seratus peratus serupa dengan apa yang dibandingkan dengannya (المشبه به). (6) Dalam perbandingan juga kadang-kadang yang terlibat dengan perbandingan hanya perkara tertentu sahaja. Ia tidak melibatkan semua perkara yang tersebut dalam perbandingan itu. Perbandingan yang dibuat Nabi s.a.w. di atas misalnya, tidaklah hendak menyatakan keserupaan bulan dengan Tuhan atau sebaliknya. Ia hanya melibatkan perbuatan melihat bulan dengan perbuatan melihat Allah semata-mata daripada segi semua orang yang melihat tidak mengalami sebarang gangguan, kesukaran dan keraguan. Malah mereka dapat melihatNya dengan jelas. (7) Di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah seringkali perkataan تسبيح digunakan untuk sembahyang, sama ada fardhu atau sunat. (8) Al-Qur'an dan as-Sunnah saling menjelaskan satu sama lain. (9) Rasulullah s.a.w. akan menyebutkan sesuatu yang penting dan istimewa secara khusus dalam bentuk penekanan dan galakan. (10) Para sahabat sering menjadikan sesuatu ayat al-Qur'an sebagai dalil untuk menguatkan hadits yang dikemukakan mereka. Sering juga mereka menjadikan hadits sebagai penjelas dan penghurai kepada sesuatu ayat al-Qur'an. (11) Penggunaan تسبيح dengan ma'na sembahyang yang lengkap adalah berdasarkan qaedah ilmu Balaghah إطلاَقُ الْجُزْءِ وَإِرَادَةُ الْكُلِّ (sebut sebahagian daripada sesuatu tetapi yang dimaksudkan adalah keseluruhannya).

522- `Abdullah bin Yusuf (at-Tinnisi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abi az-Zinad (`Abdullah bin Zakwaan al-Qurasyi al-Madani) daripada al-A`raj (`Abdur Rahman bin Hurmuz) daripada Abi Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Malaikat-malaikat malam dan siang silih berganti datang kepadamu⁹⁷⁵ dan mereka berkumpul (bertemu) pada (waktu) sembahyang Subuh

⁹⁷⁵ Para `ulama' berbeda pendapat tentang kenapakah perkataan يتعاقبون di dalam hadits ini digunakan dalam bentuk jama' muzakkar sebelum faa'ilnya yang merupakan jama' iaitu ملائكة. Padahal mengikut qaedah ilmu Nahu yang biasa diguna orang ialah sesuatu fi'il yang terletak sebelum faa'il yang zahir tidak mengikut keadaan faa'ilnya daripada segi jama' dan tatsniahnya. Ia seharusnya tetap digunakan dalam bentuk mufrad. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan dalam menyelesaikan kemusykilan ini. (1) Menurut Sibawaih, Abu Hayyaan dan as-Suhaili, perkataan ملائكة selepas perkataan يتعاقبون itu sebenarnya bukan faa'il kepadanya. Ia sama ada dianggap sebagai badal atau bayan kepada dhamir di dalam perkataan يتعاقبون. Dhamir di dalam perkataan يتعاقبون itulah sebenarnya yang menjadi faa'il kepada يتعاقبون dan ia meruju' kepada suatu perkataan yang mahzuf. Taqdirnya ialah ملائكة يتعاقبون. Al-Kirmaani berpendapat, hadits di atas meskipun dijadikan dalil oleh sekumpulan `ulama' Nahu tentang keharusan menyatakan dhamir jama' dan dhamir tatsniah pada fi'il yang tersebut sebelum faa'il, ia tetap dianggap lemah oleh kebanyakan mereka. Apabila bertemu dengan penggunaan seperti ini, mereka terus menta'wilkannya. Al-Akhfasy dan orang-orang yang sependapat dengannya pula berkata, menyatakan dhamir jama' dan dhamir tatsniah pada fi'il yang tersebut sebelum faa'il adalah harus. Ia merupakan lughah (bahasa) Bani al-Haarits atau Balharits. Antara contoh penggunaan mengikut lughah ini yang sering dikemukakan ialah: أكلوني البراغيث (aku dimakan kutu), يلومونني في فعموا وصموا كثير (kemudian kebanyakan dari mereka membutakan mata dan memekakkan telinga lagi) dan lain-lain. Ibnu Malik dan al-Qurthubi adalah dua tokoh besar yang termasuk dalam kumpulan kedua ini. Kata al-Qurthubi, huruf و pada perkataan يتعاقبون itu adalah alamat faa'il jama' muzakkar menurut lughah Balharits. Ia adalah satu lughah yang masyhur dan tersebar dengan meluas penggunaannya. Berdasarkan lughah inilah al-Akhfasy telah mengi'raabkan bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam firman Allah berikut:

لَا هِيَ قُلُوبُهُمْ وَأَسْرُوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَذَا إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ أَفَتَأْتُونَ السَّحَرَ وَأَنْتُمْ تَصِيرُونَ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: (lagi) hati mereka dalam keadaan lalai. Dan mereka yang zalim itu merahasiakan pembicaraan mereka: “Orang ini tidak lain hanyalah seorang manusia (jua) seperti kamu, maka patutkah kamu menerima sihirnya, padahal kamu menyaksikannya?” (al-Ambiyaa':3). Perkataan الذين di dalam ayat ini dii'raab al-Akhfasy sebagai faa'il kepada أَسْرُوا yang tersebut sebelumnya. Sedangkan kumpulan pertama mengi'raabnya sebagai badal kepada dhamir di dalam أَسْرُوا. Taqdirnya ialah هم. Dhamir inilah faa'ilnya. Ia pula kembali kepada perkataan الناس yang telah tersebut sebelumnya di dalam ayat pertama Surah al-Ambiyaa'. Menurut al-Qurthubi, `ulama' Nahu yang mengi'raab الذين di dalam ayat ini sebagai badal telah bersikap melampau dalam menta'wilkannya. Bagi beliau, ta'wilan seperti itu mengada-ada sangat dan tidak diperlukan, kerana mengi'raabkan sebagai faa'il kepada أَسْرُوا adalah menurut lughah yang masyhur dan tersebar dengan meluas. Ia juga tidak menyalahi qias yang terang. (2) Sesetengah `ulama' pula berpendapat, penggunaan seperti di dalam hadits di atas sebenarnya disebabkan oleh tasharruf perawi dalam meringkaskan hadits. Termasuk dalam orang-orang yang berpendapat begini ialah Abu Hayyaan. Jalaluddin as-Suyuthi di dalam Syarah Bukharinya at-Tausyih membenarkan pendapat ini. Alasan mereka ialah adanya beberapa hadits, termasuk yang diriwayatkan oleh Bukhari sendiri yang meletakkan perkataan يتعاقبون itu selepas perkataan ملائكة. Itulah bagi mereka

dan 'Ashar.⁹⁷⁶ Kemudian malaikat-malaikat yang bermalam⁹⁷⁷ di kalangan kamu naik, lalu Tuhan pun bertanya kepada mereka, sedangkan Dia lebih mengetahui tentang mereka

kedudukan sebenarnya di dalam hadits. Kedudukan ini membenarkan pendapat kebanyakan 'ulama' Nahu dalam masalah berkenaan. Hadits-hadits itu antara lainnya adalah seperti berikut: (a) Imam Bukhari di bawah *باب ذكر الملائكة* meriwayatkan daripada Syu'aib bin Abi Hamzah daripada Abi az-Zinaad, begini lafaznya: *قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَلَائِكَةُ يَتَعَاقِبُونَ مَلَائِكَةً بِاللَّيْلِ وَمَلَائِكَةً بِالنَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَخْرُجُ إِلَيْهِ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَغْلَمُ فَيَقُولُ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَسَلَوْنَهُمْ وَأَتَيْنَاهُمْ يُصَلُّونَ*. (b) Ahmad, Ibnu Khuzaimah, an-Nasaa'i dan al-Bazzaar juga meriwayatkannya dengan perkataan *مَلَائِكَةُ* tersebut sebelum perkataan *يَتَعَاقِبُونَ*, bukan sebaliknya. Lihat lafaz riwayat Ahmad ini bersama isnadnya: *حَدَّثَنَا يَزِيدُ أَخْبَرَنَا مُحَمَّدٌ عَنْ مُوسَى بْنِ بَسَارٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ لِلَّهِ مَلَائِكَةً يَتَعَاقِبُونَ الْمَلَائِكَةَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ فَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَخْرُجُ إِلَيْهِ الَّذِينَ كَانُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَغْلَمُ فَيَقُولُ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ يُصَلُّونَ* Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai ramai malaikat yang silih berganti (datang ke dunia). Malaikat malam dan malaikat siang. Mereka berkumpul pada waktu sembahyang Fajar (Subuh) dan sembahyang 'Ashar. Kemudian naik malaikat yang berada di kalangan kamu. lalu Dia bertanya kepada mereka, sedangkan Dia lebih mengetahui. KataNya: "Bagaimana kamu tinggalkan hamba-hambaKu?" Jawab mereka: "Kami tinggalkan mereka dalam keadaan sedang bersembahyang dan kami datang kepada mereka juga dalam keadaan sedang bersembahyang."

⁹⁷⁶ Maksudnya ialah setiap syif, baru akan naik ke langit, setelah turun syif penggantinya ke bumi dan setelah mereka bertemu pada dua waktu sembahyang Subuh dan sembahyang 'Ashar. Keberadaan kedua-dua syif sebagai saksi pada dua waktu sembahyang fardhu itu merupakan salah satu sebab kenapa ia melebihi sembahyang-sembahyang fardhu yang lain. Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi berpendapat, kedua-dua syif malaikat itu hanya menyaksikan sembahyang fardhu yang dikerjakan secara berjama'ah di masjid utama sesuatu tempat. Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri pula yakin bahawa kedua-dua syif malaikat itu hanya menyaksikan sembahyang fardhu yang dikerjakan secara berjama'ah secara mutlaq. Tidak kira di mana pun ia dikerjakan dan pada masa mana sekalipun ia dikerjakan. Selagi ia dikerjakan di dalam waktunya. Sementara Ibnu 'Abdil Barr pula berpendapat, walaupun pada zahirnya sembahyang yang disaksikan oleh kedua-dua syif malaikat itu adalah sembahyang Subuh dan 'Ashar yang dikerjakan secara berjama'ah, namun lafaz hadits dapat menampung penyaksian mereka untuk semua orang yang mengerjakannya, sama ada secara berjama'ah atau secara bersendirian. Antara dalil berupa hadits yang menyokong pendapat golongan 'ulama' yang mengatakan, kedua-dua syif malaikat itu hanya menyaksikan sembahyang fardhu yang dikerjakan secara berjama'ah ialah hadits-hadits berikut ini: *أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمَّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينَهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ* Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila imam mengucapkan amin, kamu ucapkan amin. Kerana orang yang aminnya berbetulan dengan amin para malaikat, diampuni dosa-dosanya yang lalu." (Hadits riwayat Malik, Bukhari, Ahmad, Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i dan Ibnu Majah). Nabi s.a.w. juga melarang orang yang memakan bawang putih dan sebagainya yang berbau busuk daripada pergi ke masjid. Alasan yang diberikan Baginda s.a.w. ialah: *فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَنَادَى مِمَّا يَتَأَذَّى مِنْهُ بَنُو آدَمَ* Bermaksud: kerana para malaikat itu terganggu dengan sesuatu yang manusia juga terganggu. (Hadits riwayat Muslim, Tirmizi, Nasaa'i dan lain-lain). Antara dalil yang dipegang kumpulan 'ulama' yang berpendapat bahawa para malaikat itu menyaksikan setiap orang yang bersembahyang 'Ashar dan Subuh, sama ada dengan berjama'ah atau bersendirian ialah hadits berikut ini: *عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَلَا يَتَضَعُ أَمَامَهُ* Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu berdiri untuk bersembahyang, maka janganlah dia meludah ke hadapan, kerana sesungguhnya dia sedang bermunajat dengan Allah selagi masih di tempat sembahyangnya, jangan juga ke sebelah kanan kerana sesungguhnya di sebelah kanannya ada malaikat. Tetapi hendaklah dia meludah ke sebelah kiri atau ke bawah

itu: “Bagaimana kamu tinggalkan hamba-hambaKu?”⁹⁷⁸ Malaikat-malaikat itu menjawab: “Kami tinggalkan mereka dalam keadaan sedang bersembahyang dan kami datang kepada mereka juga dalam keadaan sedang bersembahyang.”⁹⁷⁹

satu per satu dari awal hingga akhir. Apabila imam duduk (di atas mimbar), mereka melipat (menutup) buku catatan dan pergi mendengar khutbah. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain). Jika para malaikat yang datang itu memang turut bersembahyang bersama manusia yang dikunjungi mereka, maka jawapan yang diberi mereka kepada Allah seperti tersebut di dalam hadits di atas mestilah dita'wil dengan tiga ta'wilan berikut: (1) *وَهُمْ يُصَلُّونَ* (أَيِ الَّذِينَ مَا كُنَّا مُقْتَدِينَ بِهِمْ دُونَ الَّذِينَ اقْتَدَيْنَا بِهِمْ) Maksudnya: Kami tinggalkan mereka (ya'ni orang-orang yang tidak kami ikut bersembahyang bersama mereka, bukan orang-orang yang telah kami ikuti sembahyangnya) dalam keadaan mereka sedang bersembahyang. (2) Orang-orang yang ditinggalkan malaikat itu adalah orang-orang yang masbuq dalam sembahyangnya. (3) Orang-orang yang akan bersembahyang atau sedang menyiapkan diri dengan berwudhu' dan sebagainya untuk mengerjakan sembahyang.

⁹⁷⁷ Hadits ini zahirnya menyatakan malaikat yang ditanya Allah dan naik ke langit itu hanyalah yang bermalam di kalangan orang-orang yang bersembahyang atau malaikat malam sahaja. Bagaimana dengan malaikat siang? Selepas habis giliran di waktu 'Ashar, adakah mereka tidak naik ke langit dan tidak ditanya Tuhan seperti malaikat malam? Kemuskilan ini dijawab 'ulama' dengan dua jawapan. (1) Hadits ini telah menggunakan qaedah iktifaa' (berpada dengan apa yang disebut sahaja). Ia sama sekali tidak bererti yang tidak disebut tidak ditanya Allah dan malaikat siang tidak naik ke langit setelah habis gilirannya. (2) Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Khuzaimah, an-Nasaa'i dan al-Bazaar di bawah nota 975 di atas menjelaskan ma'na perkataan *بَاثُوا* di dalam hadits Bukhari yang sedang dibincangkan sekarang. Perkataan *بَاثُوا* (bermalam) itu seharusnya dita'wilkan dengan perkataan *كَانُوا* seperti yang terdapat di dalam riwayat-riwayat tersebut. Riwayat Ibnu Khuzaimah berikut ini pula jelas menunjukkan malaikat yang ditanya Allah dan naik ke langit itu adalah malaikat malam dan malaikat siang kedua-duanya sekali. Malaikat malam naik pada waktu Subuh. Malaikat siang pula naik pada waktu 'Ashar: أَخْبَرَنَا أَبُو طَاهِرٍ نَا أَبُو بَكْرٍ نَا: بِحَبِيبِ بْنِ حَمَادٍ نَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ سُلَيْمَانَ - وَهُوَ الْأَعْمَشُ - عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَجْتَمِعُ مَلَائِكَةُ اللَّيْلِ وَمَلَائِكَةُ النَّهَارِ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْعَصْرِ فَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ فَتَصْعَدُ مَلَائِكَةُ اللَّيْلِ وَتَنْتَبِهُ مَلَائِكَةُ النَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ فَتَصْعَدُ مَلَائِكَةُ النَّهَارِ وَتَنْتَبِهُ مَلَائِكَةُ اللَّيْلِ فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ أَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يَصَلُّونَ بِرَمَاقِهِمْ وَتَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يَصَلُّونَ فَغَفَرَ لَهُمْ يَوْمَ الدِّينِ Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Malaikat malam dan malaikat siang berkumpul pada waktu sembahyang Fajar (Subuh) dan sembahyang 'Ashar. Mereka berkumpul pada waktu sembahyang Fajar (Subuh), lalu naiklah malaikat malam. Sedang malaikat siang (pula) terus tetap (di bumi). Mereka berkumpul (pula) pada waktu sembahyang 'Ashar, lalu naiklah malaikat siang. Sedang malaikat malam terus tetap (di bumi). Maka mereka ditanya Tuhan: “Bagaimana kamu tinggalkan hamba-hambaKu?” Jawab mereka: “Kami tinggalkan mereka dalam keadaan sedang bersembahyang dan kami datang kepada mereka juga dalam keadaan sedang bersembahyang. Oleh itu, ampunilah mereka (orang-orang yang bersembahyang Subuh dan 'Ashar itu) di hari pembalasan.” (Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah). Hadits ini dengan sedikit perbedaan pada lafaznya diriwayatkan juga oleh Ahmad dan Ibnu Hibbaan.

⁹⁷⁸ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang malaikat yang datang silih berganti itu. Adakah mereka malaikat hafazah (malaikat yang ditugas menjaga dan menuliskan amalan manusia) atau malaikat lain yang ditugas khusus untuk menyaksikan orang-orang yang bersembahyang Subuh dan 'Ashar dalam waktunya? Menurut kebanyakan 'ulama', malaikat yang tersebut di dalamnya adalah malaikat hafadzah. Soalan Allah terhadap mereka bererti menanyakan tentang tugas yang diserahkan kepada mereka supaya menjaganya. Demikian nukil Qadhi 'Iyaadh dan lain-lain. Al-Qurthubi pula berpendapat, mereka bukan malaikat hafadzah, tetapi malaikat lain yang ditugas

khusus untuk maksud tersebut. Hafiz Ibnu Hajar menyokong pendapat al-Qurthubi itu dengan katanya: “Tidak ada dinukilkan bahawa malaikat hafadzah itu berpisah dengan manusia. Tidak ada juga dinukilkan bahawa malaikat hafadzah di waktu malam adalah lain daripada malaikat hafadzah di waktu siang. Kalau mereka memang malaikat hafadzah, apa ertinya Allah bertanya mereka hanya tentang keadaan hamba-hambaNya semasa ditinggal mereka sahaja?” **Soal apakah hikmat di sebalik** Allah s.w.t. hanya bertanya para malaikat itu tentang perbuatan manusia semasa mereka ditinggalkan, tidak tentang perbuatan-perbuatan mereka pada masa-masa yang lain, para ‘ulama’ telah memberikan beberapa pandangan. Antaranya adalah seperti berikut: (1) Untuk menyatakan kepenyantunan (لطف) dan kemurahanNya terhadap hamba-hambaNya, dengan mengumpulkan dua kumpulan malaikat pada masa mereka sedang beribadat. Dan keadaan itu disaksikan oleh kedua-dua kumpulan malaikat malam dan siang. (2) Mengisytarkan kepada terhapusnya dosa-dosa yang dilakukan oleh hamba-hambaNya di antara dua sembahyang fardhu. Hakikat ini dapat dilihat di dalam hadits-hadits yang lain seperti hadits Abu Hurairah daripada Nabi s.a.w. ini: الصلاة المكتوبة إلى الصلاة التي قبلها كفارة لما بينهما Bermaksud: Sembahyang fardhu hingga ke sembahyang fardhu berikutnya merupakan penghapus dosa-dosa (yang dilakukan) di antara keduanya. (Hadits riwayat Ahmad, al-Haakim dan al-Baihaqi di dalam Syu’ab al-Iman). (3) Menyatakan hikmat kejadian makhluk manusia yang pernah dipersoalkan mereka (mahluk malaikat) di suatu masa dahulu, ketika Allah hendak menciptakannya. Lihatlah dialog yang telah berlaku di antara Allah dengan para malaikat sebelum penciptaan Nabi Adam a.s. di dalam ayat berikut ini:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.” (al-Baqarah:30). Nah! Sekarang terbukti berdasarkan penyaksian malaikat sendiri, bahawa di kalangan manusia itu terdapat ramai juga orang-orang yang bertasbih memuji Tuhan dan mensucikanNya seperti mereka. (4) Menyembunyikan keburukan, kejahatan dan kelemahan manusia muslim di sepanjang siang dan malam daripada malaikat-malaikat berkenaan, di samping mengisytarkan kepada amalan manusia yang dikira sebagai penentu oleh Allah ialah yang terakhir. (5) Menarik doa dan istighfar para malaikat apabila mereka melihat manusia bersembahyang dan beribadat kepada Allah. Hakikat ini dapat dilihat di dalam riwayat Ibnu Khuzaimah yang telah disebutkan sebelum ini. Sila lihat nota 977 yang lalu. **Adapun sebab kenapa dua** perkataan malaikat di dalam hadits di atas digunakan dalam bentuk *nakirah* ialah untuk menyatakan dua kumpulan malaikat itu adalah yang berlainan, bukan yang sama. Penggunaan dengan maksud seperti ini terdapat juga dalam firman Allah berikut:

وَلَسَلِّمْنَ الْوَيْحَ غَدُوَهَا شَهْرًا وَرَوَّاحَهَا شَهْرًا

Bermaksud: Dan Kami kurniakan kepada (Nabi) Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya: sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan...(Saba’:12).

⁹⁷⁹ Antara pengajaran, panduan dan pedomannya yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sembahyang fardhu lima waktu adalah ibadat yang paling tinggi kedudukannya pada pandangan agama. (2) Yang paling tinggi kedudukannya daripada sembahyang lima waktu ialah sembahyang Subuh dan sembahyang ‘Ashar. (3) Antara sebab sembahyang Subuh dan ‘Ashar itu melebihi sembahyang-semahyang yang lain ialah ia disaksikan oleh kedua-dua syif malaikat yang datang dari langit khusus untuk menjadi saksi kepada orang-orang yang mengerjakannya dalam

waktunya. (4) Kelebihan waktu sembahyang 'Ashar dan Subuh. (5) Manusia yang disenangi malaikat dan mendapat doa serta istighfar mereka adalah manusia yang bertuah dan beruntung. (6) Pertanyaan yang diajukan, tidak semestinya untuk mendapat ma'lumat daripada orang yang ditanya. Adakalanya ia bertujuan menarik perhatian orang yang ditanya saja. Adakalanya pula untuk menyatakan maksud-maksud yang lain. (7) Kelebihan umat Muhammad berbanding umat nabi-nabi lain yang telah berlalu sebelumnya. Secara tidak langsung ia menunjukkan juga kelebihan Nabi Muhammad s.a.w. berbanding para nabi yang lain yang telah berlalu sebelumnya. (8) Para malaikat ada ketikanya bercakap-cakap dengan Allah s.w.t. Mereka juga menjawab pertanyaan-pertanyaan Allah tentang sesuatu perkara, padahal Allah lebih mengetahui tentangnya. (9) Galakan dan dorongan supaya menjaga dengan sebaik-baiknya sembahyang 'Ashar dan Subuh. (10) Sebahagian daripada malaikat ditugaskan dengan tugas-tugas tertentu yang ada kaitannya dengan amalan orang-orang Islam. (11) Para malaikat itu adalah makhluk Allah yang bijaksana dan tidak melakukan dosa. Antara bukti kebijaksanaan mereka ialah walaupun Allah hanya bertanya tentang perihal hamba-hambaNya semasa ditinggalkan, mereka tetap menceritakan juga akan perihal hamba-hamba Allah itu ketika mereka datang. Para malaikat itu faham benar maksud yang tersirat di sebalik pertanyaan Allah itu. Apa yang mereka fahami ialah Allah menghendaki mereka mendoakan kebaikan dan beristighfar untuk orang-orang bersembahyang 'Ashar dan Subuh dalam waktunya. Itulah sebabnya mereka berkata: **فاغفر لهم يوم الدين** (Oleh itu, ampunilah mereka (orang-orang yang bersembahyang Subuh dan 'Ashar itu) di hari pembalasan), seperti tersebut di akhir hadits riwayat Ibnu Khuzaimah yang dikemukakan tadi.



بَابُ مَنْ أَذْرَكَ رُكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ الْغُرُوبِ

99- Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka'at Sembahyang 'Ahsar Sebelum Terbenam Matahari.⁹⁸⁰

⁹⁸⁰ Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari bermaksud menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Waktu 'Ashar berakhir sebaik sahaja matahari terbenam. Dengan terbenamnya matahari juga bermulalah waktu Maghrib. Waktu Subuh pula berakhir dengan terbitnya matahari. (2) Hukum orang yang hanya sempat mengerjakan satu raka'at sahaja dalam waktu sesuatu sembahyang. Raka'at-raka'at yang lain dikerjakannya di luar waktu atau selepas masuk waktu sembahyang yang lain. (3) Maksud perkataan سجدة (satu sujud) yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini. (4) Erti sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ahsar sebelum terbenam matahari dan sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari. **Perkara (1). Hadits di bawah bab ini** merupakan salah satu dalil yang dipegang umat tentang waktu 'Ashar berakhir apabila matahari terbenam. Dengan terbenamnya matahari juga bermulalah waktu Maghrib. **Perkara (1)** ini termasuk dalam salah satu keputusan yang diijma'kan oleh para 'ulama'. Ibnu 'Abdil Barr, Ibnu Qudaamah dan sekumpulan 'ulama' lain adalah antara tokoh 'ulama' yang telah menukilkannya sebagai ijma'. Bagaimanapun akhir waktu Subuh tidak termasuk dalam perkara yang diijma'kan. Walaupun terdapat khilaf tentangnya, namun pendapat yang mengatakan ia berakhir dengan terbitnya matahari adalah yang paling kuat kerana ia mempunyai dalil yang kukuh. Antara dalilnya ialah hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. **Perkara (2)** menyabitkan orang berkenaan sebagai orang yang telah mengerjakan sembahyangnya secara tunai. Dia tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya, biarpun raka'at-raka'at yang baki lagi itu dikerjakannya dalam waktu sembahyang yang lain atau di luar waktu sembahyang yang sedang dikerjakannya. Tidak ada perbezaan dalam hal ini, sama ada sembahyang yang dikerjakan itu sembahyang yang ada sembahyang sunat ba'diyyahnya atau tiada seperti sembahyang Subuh dan 'Ashar. Orang-orang yang tidak sempat mendapat satu raka'at dalam waktu sesuatu sembahyang juga seharusnya meneruskan sembahyangnya, meskipun sembahyangnya itu tidak dikira sebagai tunai lagi. Ia juga tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya. **Perkara (3)** ialah Kenapakah di dalam tajuk bab di atas Imam Bukhari menyebutkan "Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka'at", padahal di dalam hadits Nabi s.a.w. tersebut "sempat mendapat satu sujud" bukan satu raka'at? Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Dengan tindakannya itu Imam Bukhari semacam hendak mentafsirkan perkataan سجدة (satu sujud sebagai mashdar marra) yang tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w., bahawa ia tidak seharusnya dipakai dengan erti satu sujud. Tetapi seharusnya dipakai dengan erti رُكْعَةً (satu ruku' juga sebagai mashdar marra). Ini kerana al-Isma'ili telah meriwayatkannya melalui saluran riwayat Husain bin Muhammad daripada Syaibaan dengan lafaz من أدرك رُكْعَةً (sesiapa sempat mendapat satu ruku'). Riwayat ini menunjukkan perbezaan lafaz hadits di bawah bab ini berpunca daripada tasharruf (pindaan) perawi (yang telah meriwayatkannya berdasarkan ma'nanya). Riwayat Malik di bawah bab-bab waktu Subuh nanti juga jelas menyebutkan dengan lafaz من أدرك رُكْعَةً. Di sana tidak terdapat sebarang khilaf di antara perawi-perawinya tentang lafaz ini. Maka riwayat itulah semestinya dijadikan pegangan." Ringkasnya bagi Hafiz Ibnu Hajar, tajuk bab yang diadakan oleh Bukhari ini merupakan ترجمة شارحة (tajuk bab yang diadakan dengan tujuan menjelaskan mana-mana perkataan atau frasa yang tersebut di dalam hadits di bawahnya). **Perkara (4)** menarik perhatian para pengkaji tentang apakah erti mendapat satu raka'at (seperti tersebut di dalam tajuk bab yang diadakan oleh Bukhari dan satu sujud seperti tersebut di dalam